

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2021/2022

Julai/Ogos 2022

**HSM216 – Sejarah Politik Malaysia Sehingga Awal Kurun Ke-20**

Masa : 24 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

...2/-

**SULIT**

Bahagian A

1. Berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, **terangkan** perkaitan antara *waadat* dengan konsep 'Raja sebagai wakil Allah di muka bumi' dan 'pantang Melayu menderhaka' dalam kesultanan Melayu tradisional.

[100 markah]

2. Menurut Leonard Y. Andaya (2017), kebangkitan dan kejayaan Srivijaya sebagai kuasa maritim terkuat di Asia Tenggara mulai kurun ke-7 hingga ke-12 Masihi adalah berpunca daripada hubungan istimewanya dengan China. Berdasarkan pernyataan tersebut, **buat kesimpulan** tentang pengaruh China dalam sejarah kebangkitan Srivijaya.

[100 markah]

3. **Kaitkan** punca kejatuhan Melaka dengan kemelut dalaman yang sedang melanda kerajaan tersebut menjelang serangan Portugis.

[100 markah]

4. **Tunjukkan** langkah-langkah yang diambil oleh Kedah dalam menyelamatkan negaranya daripada penaklukan Siam sehingga 1821.

[100 markah]

Bahagian B

5. **Kenal pastikan** impak pembunuhan Sultan Mahmud (Mangkat di Julang) pada 1699 terhadap kedudukan Johor sebagai penguasa di Selat Melaka sehingga 1819.

[100 markah]

6. **Kenal pastikan** faktor-faktor kemunculan Perlis sebagai sebuah negeri yang berasingan pada 1842.

[100 markah]

7. Merujuk **SATU** peristiwa campur tangan British di negeri-negeri Melayu, **kembangkan SATU** perbincangan tentang pengaruh **teori Imperialisme Baharu Hobson-Lenin** sebagai punca utama campur tangan British di Tanah Melayu mulai 1874.

[100 markah]

8. Merujuk perkembangan politik di Borneo sejak 1830-an hingga 1905, **kenal pastikan impak** dasar-dasar pemerintahan Brooke dan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British terhadap kestabilan politik Brunei.

[100 markah]